



Bertatu dengan dakwat hitam dan bertelinga panjang menjadi kebanggaan wanita veteran Orang Ulu.

“Sekarang di kampung kami di Long Bemang, Ulu Baram hanya beberapa orang wanita Kayan saja yang masih ada dan mewarisi tradisi berkenaan”

Serimi Ningkan,  
Penduduk Ulu Baram

# Tidak diwarisi generasi muda

• Dari muka 23

Justeru, katanya, tidak ramai generasi muda yang berminat meneruskan tradisi berkenaan, malah ibu bapa mereka juga tidak menggalakkan anak mereka berbuat demikian.

Katanya, tidak hairan dalam masa beberapa tahun lagi apabila wanita berusia yang masih mewarisi tradisi berkenaan sudah tiada, tradisi berkenaan akan lenyap dengan sendirinya.

#### Orang muda pilih tatu moden

Bagi Jasica Ijok, 26, yang bekerja di sebuah bank tempatan Sarawak, kebanyakan generasi muda Orang Ulu sekarang tidak lagi berminat meneruskan tradisi generasi lama kerana mempunyai sifat malu.

“Dulu lain, sekarang lain. Jika wanita muda bertelinga panjang dan bertatu, dia akan ditertawakan apabila berjalan di bandar. Ia bukan lagi satu fesyen seperti suatu ketika dulu. Zaman sudah berubah, begitu juga cita rasa generasi muda.

“Jika ada yang mencacah tatu, jenis tatu berkenaan adalah berbeza dari pada dulu. Kebanyakannya memakai tatu moden yang berwarna-warni dan melambangkan ciri tertentu. Biasanya, tatu yang dipakai wanita muda dilakar di belakang badan, bukannya pada tangan yang dapat dilihat dengan jelas seperti nenek moyang kita.

dulu,” kata Jasica.

Katanya, kebanyakan tatu yang dipakai wanita muda sekarang tidak sama dengan tatu yang dilakar nenek moyang mereka dulu.

“Dulu tatu dilakar menggunakan dakwat berwarna hitam saja. Sekarang boleh pilih pelbagai warna, mengikut cita rasa individu berkenaan. Bagaimanapun, memiliki tatu pada zaman moden sekarang bukan lagi satu lambang kecantikan. Tidak semua lelaki suka lihat atau tertarik kepada wanita bertatu,” katanya.

#### Tradisi hampir lenyap

Sementara itu, Serimi Ningkan, 89, yang berasal dari Ulu Baram mengaku zaman memiliki telinga panjang dan bertatu dalam kalangan wanita Orang Ulu sudah berakhir.

“Sekarang di kampung kami di Long Bemang, Ulu Baram hanya beberapa orang wanita Kayan yang masih ada dan mewarisi tradisi berkenaan.

“Apabila kami sudah tiada, tradisi ini akan terus lenyap. Kami juga takut memakai anting-anting berwarna keemasan sebagai bahan berat untuk memanjangkan telinga apabila berkunjung ke bandar besar kerana bimbang menjadi mangsa rugut.

“Kami akan memakai anting-anting biasa dan tidak memerlukan belanja tinggi,” katanya.



Generasi muda selesa dengan fesyen moden.



Pemberat untuk memanjangkan telinga perlu dipakai sejak